

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : KOLAM TADAHAN TAMAN MELAWIS, KLANG

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek kolam tadahan Taman Melawis?
- b) Berapakah peruntukan yang dipohon untuk projek ini?
- c) Bagaimanakah kerajaan negeri dapat membantu dari segi kewangan untuk mempercepatkan proses pengambil tanah tersebut supaya projek dapat dijalankan dengan cepat?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, JPS Selangor telah menjalankan rekabentuk terperinci bagi Projek Menaiktaraf Sistem Saliran di Taman Melawis Klang pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, kolam tadahan tidak termasuk dalam skop kerja projek tersebut kerana tiada keperluan untuk mengadakan kolam takungan. Skop kerja projek adalah seperti berikut:-
 - i. Menaiktaraf sistem perparitan
 - ii. Kerja pembinaan microtunnelling di bawah landasan keretapi
 - iii. Sistem pam dan rumah pam
- b) Kelulusan siling Peruntukan Caruman Parit berjumlah RM 15.8 juta bagi Projek Menaiktaraf Sistem Saliran di Taman Melawis Daerah Klang. (Tidak berkaitan dengan Kolam Tadahan)
- c) Tiada cadangan pengambilan balik tanah yang terlibat. Namun begitu, projek belum boleh ditender disebabkan kekangan Peruntukan Akaun Amanah Caruman Parit yang tidak mencukupi bagi membiayai projek tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH DI KAWASAN KAMPUNG TRADISI

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk memperbaiki dan mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- b) Kampung tradisi, bagan dan tempat-tempat yang tidak terletak di dalam kawasan operasi PBT secara prinsipnya tidak diberi perkhidmatan kutipan sampah dan pengurusan sampah. Namun, Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa mengambil berat tentang pengurusan sampah di kampung-kampung luar kawasan operasi PBT khususnya kampung yang terletak di kawasan bandar.

Untuk makluman juga, bermula belanjawan tahun 2017 Kerajaan Negeri telah bersetuju agar penyaluran peruntukan dilaksanakan kepada PBT yang berpendapatan rendah bagi membantu kerja-kerja kutipan sampah di kampung dan kawasan pembangunan strata.

Selain itu, bagi memperbaiki dan mengatasi masalah sisa pepejal di kawasan tersebut, tong sampah berpusat telah ditempatkan di lokasi yang sesuai dan PBT turut memberi perkhidmatan kutipan sampah berjadual melalui syarikat pengurusan sisa pepejal yang dilantik iaitu syarikat Kumpulan Darul Ehsan Berhad Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM) secara berperingkat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : TENAGA SOLAR

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bangunan Kerajaan Negeri mempunyai tenaga Solar?
- b) Apakah sasaran untuk 2019?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri komited untuk melaksanakan projek pemasangan solar panel di semua bangunan Kerajaan Negeri selaras dengan seruan Dasar Kerajaan Persekutuan melalui Pelan Utama Teknologi Hijau Malaysia 2017 – 2030 berhubung tenaga boleh diperbaharui. Namun, buat masa ini tiada bangunan Kerajaan Negeri yang mempunyai atau menggunakan tenaga solar. Hal ini kerana, kos pemasangan solar panel untuk satu bangunan menelan belanja yang tinggi dan Kerajaan Negeri berpandangan bagi pelaksanaan pemasangan solar panel ini perlu menggunakan kaedah kerjasama strategik bersama pihak-pihak yang berkepentingan dalam menguruskan teknologi ini.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Projek Perintis Pemasangan Sistem Fotovolta Suria (*Photovoltaic*) di Kampung Orang Asli Sungai Relang dan pemasangan solar panel di bumbung Projek Perumahan Rumah Selangorku, Pangsapuri Puchong Utama yang merupakan salah satu agenda utama dalam Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2016 - 2018 ke arah mencapai sasaran pengurangan 45% intensiti pelepasan karbon menjelang tahun 2030.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan pemasangan solar panel berskala besar di bumbung Bangunan Pustaka Raja Tun Uda, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dengan kapasiti 500 kiloWatt (kWt).

Selanjutnya, bagi menjayakan hasrat pemasangan solar panel di semua bangunan Kerajaan Negeri, satu perbincangan telah diadakan bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi cadangan pemasangan solar panel di bangunan-

bangunan Kerajaan Negeri Selangor dan pihak TNB sedang menjalankan kajian dan akan menyediakan laporan teknikal terperinci berhubung perkara ini.

- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada tahun ini, Kerajaan Negeri akan mengadakan kerjasama strategik bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi melaksanakan pemasangan panel solar di semua bangunan Kerajaan Negeri Selangor di bawah Skim Solar Energy Purchase (SEP).

SEP merupakan inisiatif TNB dalam menyokong visi Kerajaan Malaysia bagi meningkatkan penjanaan elektrik secara tenaga boleh baharu (*renewable energy*) dari 2% kini ke tahap 25% menjelang tahun 2025.

Melalui kerjasama strategik ini, Kerajaan Negeri dapat mensasarkan penjimatan kos penggunaan tenaga elektrik pada masa akan datang dan seterusnya menjadikan Negeri Selangor sebagai negeri perintis yang mengaplikasikan elemen hijau di bangunan Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : KEBAJIKAN PEMBELI RUMAH

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan dan dasar Kerajaan Negeri dalam membela kebajikan golongan pembeli rumah yang gagal disiapkan dalam tempoh yang dijanjikan oleh pihak pemaju?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha memberikan komitmen dalam mengatasi masalah projek terbengkalai walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad kepada tindakan secara pentadbiran sahaja tetapi kuasa pemuliharaan ini terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966.

Sehubungan itu, pendekatan dan dasar secara proaktif telah diambil oleh Kerajaan melalui LPHS dalam membela kebajikan golongan pembeli rumah yang gagal disiapkan dalam tempoh yang dijanjikan oleh pemaju adalah seperti berikut :

- i. **Jawatankuasa Pemuliharaan Projek Terbengkalai (JPPT)** bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini yang diurusetia oleh LPHS juga memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemuliharaan disamping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. LPHS sebagai agensi pemantauan senantiasa berusaha memastikan projek terbengkalai dapat dipulihkan dan seterusnya dapat disiapkan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi. Keahlian JPPT (Jawatankuasa Induk) adalah seperti berikut :

| Bil. | Jabatan / Ahli | Catatan |
|------|---|----------------|
| 1. | Y.B. EXCO Perumahan dan Kehidupan Bandar | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Penasihat Undang-Undang | Ahli Mesyuarat |
| 3. | Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor | Ahli Mesyuarat |
| 4. | Pembantu EXCO Perumahan Dan Kehidupan Bandar | Ahli Mesyuarat |
| 5. | Jabatan Kerja Raya | Ahli Mesyuarat |
| 6. | Jabatan Perancang Bandar Dan Desa | Ahli Mesyuarat |
| 7. | Pejabat Tanah Dan Galian Selangor | Ahli Mesyuarat |
| 8. | Pejabat Tanah Dan Daerah | Ahli Mesyuarat |
| 9. | Pihak Berkuasa Tempatan | Ahli Mesyuarat |
| 10. | Panel Juru Ukur Bahan | Ahli Mesyuarat |
| 11. | Panel Jurutera | Ahli Mesyuarat |
| 12. | Panel Penilaian | Ahli Mesyuarat |
| 13. | Pemaju | Ahli Mesyuarat |
| 14. | Jabatan Insolvensi Malaysia / Pelikuidasi Swasta | Ahli Mesyuarat |
| 15. | Jawatankuasa Pembeli / Pembeli Rumah | Ahli Mesyuarat |
| 16. | Bank | Ahli Mesyuarat |

*Kehadiran ahli tertakluk dalam mesyuarat yang dibincangkan

- ii. LPHS berperanan bagi mengeluarkan **surat pengesahan projek terbengkalai** supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi menstrukturkan semula atau pengurangan bayaran bulanan daripada pembiayaan atau bank.

- iii. LPHS juga mengadakan **perbincangan bersama pelikuidasi (liquidator)** terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- iv. LPHS turut mengadakan **perbincangan dengan semua jabatan teknikal** seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- v. Sekiranya projek ini menghadapi **defisit kos pemulihan**, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan daripada kontraktor yang berminat dan berwibawa kepada KPKT untuk membuat keputusan bagi mendapatkan peruntukkan khas pemulihan projek
- vi. **Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli** untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989
- vii. **LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil** demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku **“breach of contract”** maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke Mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : ZON BERSIH

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan akan mengaktifkan semula program zon bersih sebagai usaha membersihkan kawasan-kawasan hotspot didalam Negeri Selangor?

- b) Apa perancangan kerajaan tentang program zon hijau dan negeri hijau?

JAWAPAN:

(a) dan (b) di jawab bersekali;

Pelaksanaan Program Zon Bersih selama empat (4) tahun bermula tahun 2010 hingga 2013 telah berjaya mengubah atau transformasi kawasan yang kotor ke arah yang lebih bersih dengan adanya usaha yang menggalakkan daripada PBT, Ahli Majlis, NGO dan agensi luar dalam menzahirkan konsep BERSIH di Selangor. Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan bagi menghidupkan semula Program Zon Bersih dan seumpama dengannya yang dapat memberi impak positif kepada masyarakat dengan lebih berkesan. Walau bagaimanapun, buat masa ini Kerajaan Negeri masih merangka dan merancang pelan tindakan dalam menambahbaik sistem penyampaian dan tadbir urus khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan kualiti kehidupan yang lebih baik serta dapat mewujudkan persekitaran yang bersih dan sihat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : NAIKTARAF JALAN PLB

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah kerajaan dalam usaha menaiktaraf jalan-jalan PLB terutama jalan-jalan kampung?
- b) Apakah terdapat cadangan menambah peruntukan bagi menaiktaraf jalan-jalan PLB ini?

JAWAPAN:

- a) Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam menjamin kepentingan pembangunan luar bandar, sebanyak RM3 juta telah diluluskan pada tahun 2019 bagi pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam/ asas luar bandar melibatkan naiktaraf/ baikpulih jalan luar bandar, longkang, dewan serbaguna, balairaya dan lain-lain. Bagi memastikan pembangunan luar bandar ini dilaksanakan secara dinamik dan mampan, Kerajaan Negeri komited supaya peruntukan bagi pembangunan luar bandar ini diteruskan setiap tahun dan kerja-kerja bagi naiktaraf dan baik pulih dilaksanakan secara berperingkat supaya kemudahan awam/asas di luar bandar ini berada di dalam keadaan yang baik.

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil maklum akan aduan yang diterima dari setiap Pejabat Daerah/Tanah yang merupakan agensi penghubung antara Kerajaan Negeri dan juga penduduk. Ini adalah untuk memastikan permohonan bagi pelaksanaan pembangunan luar bandar dilaksanakan dengan tersusun.

- b) Kerajaan Negeri masih menyediakan peruntukan bagi menaiktaraf jalan-jalan luar bandar. Penyediaan peruntukan setiap tahun adalah berdasarkan kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PEMERKASAAN EKONOMI DENGAN NEGARA SERANTAU

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam merencanakan kegiatan ekonomi melalui kerjasama simbiosis di antara pelabur-pelabur asing khususnya dari negara-negara jiran untuk melabur di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor meneruskan aktiviti-aktiviti promosi penggalakkan pelaburan yang turut menyasarkan Negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan Thailand.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti penyertaan di dalam **MRO Asia Pacific** di Singapura yang menyasarkan syarikat - syarikat yang terlibat di dalam industri Aeroangkasa.

Manakala di Indonesia pula, Invest Selangor turut menyertai pameran SIAL Jakarta bagi mempromosikan industri makanan dan minuman (Food & Beverages) di Jakarta pada 20 – 23 November 2018.

Selain itu, Invest Selangor juga turut meninjau potensi industri jentera dan peralatan di Bangkok, Thailand melalui penyertaan di dalam Metalex Bangkok (Machine Tools & Metal Working Exhibition).

Disamping itu, bagi mengukuhkan potensi perdagangan di Negeri Selangor dan Negara – Negara serantau, Invest Selangor akan menganjurkan “**Selangor International Business Summit 2019 (SIBS 2019)**” yang bakal berlangsung dari 10hb. hingga 13hb. Oktober 2019 di Malaysia International Trade Exhibition Centre (MITEC), Kuala Lumpur yang merangkumi 4 acara utama iaitu:-

- i. Selangor International Expo 2019 kali ke-5
- ii. Selangor-ASEAN Business Conference 2019 kali ke-3
- iii. Selangor Smart City & Digital Economy Convention 2019 kali ke-3
- iv. Selangor R&D and Innovation Expo 2019 kali pertama.

Antara objektif program ini diadakan adalah untuk mempromosikan Negeri Selangor sebagai Hub Perdagangan Global dirantau ASEAN dan juga memberi peluang kepada syarikat-syarikat tempatan dan asing untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan serta memberi peluang untuk menjalinkan hubungan kerjasama perniagaan untuk kepentingan bersama.

Program ini dapat memberi peluang kepada pengusaha tempatan untuk meneroka pasaran luar negara serta mewujudkan komuniti perdagangan antara Selangor dan Negara-Negara serantau serta menjadikan Selangor sebagai destinasi pelaburan serta hub perdagangan bagi rantau ASEAN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KEMPEN BEBAS PLASTIK DAN POLISTIRENA SELANGOR

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mencapai sasaran "sifar beg plastik" sejajar dengan "Road Map Zero Single-Use Plastic 2018-2030" yang dilancarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)?

JAWAPAN:

- a) Rancangan Kerajaan Negeri bagi mencapai sasaran "sifar beg plastik" adalah selaras dengan pelan tindakan yang digariskan di dalam *Roadmap Towards Zero Single-use Plastics 2018-2030* yang dilancarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada 17 Oktober 2018. Dasar ini menggariskan bahawa penggunaan "*single-use plastic*" akan diharamkan sepenuhnya menjelang tahun 2030.

Kerajaan Negeri melalui kempen *#Bebasplastik* pada masa ini mengenakan caj 20 sen bagi setiap beg plastik bertujuan mewujudkan kesedaran dalam kalangan pengguna mengenai bahaya beg plastik terhadap alam sekitar dan kesihatan. Caj ini dikenakan kepada peniaga-peniaga di premis-premis perniagaan yang menyediakan beg plastik khususnya dalam skala yang besar kepada pengguna, seperti di pasar raya, *super mart*, pasar raya mini dan sebagainya.

Kerajaan Negeri juga akan bekerjasama dengan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi yang berkaitan bagi menjalankan aktiviti dan program dalam menyokong dan melaksanakan dasar ini.

Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri turut akan berusaha mengambil langkah awal untuk melaksanakan pengharaman beg plastik ini pada tahun 2025, namun bergantung kepada kesediaan pihak pembekal seperti di kilang-kilang untuk menghasilkan bahan atau medium gantian kepada beg plastik sedia ada kepada pasaran. Cadangan penggantian penggunaan beg plastik ini termasuklah menggunakan bahan *biodegradable plastic*, beg kitar semula dan beg kertas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : SKIM INSENTIF PEDULI RAKYAT SELANGOR

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pihak UPEN mempunyai rancangan untuk menyatukan semua skim IPR di dalam satu sistem IPR sahaja.

- b) Adakah Kerajaan Negeri mahu menilai semula skim IPR yang telah dimansuhkan seperti insentif perkahwinan, TAWAS, Pemberian subsidi Air dsb.

JAWAPAN:

Soalan ini akan dijawab bersekali soalan no. 207 dengan soalan daripada:

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (BUKIT LANJAN) – soalan 51;

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (MORIB) – soalan 86;

Y.B. Puan Wong Siew Ki (BALAKONG) – soalan 165; dan

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungip (HULU KELANG) – soalan 248

Tuan Speaker,

Ramai dikalangan Ahli Dewan Negeri telah membangkitkan mengenai Penjajaran Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) dan juga Data eKasih yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri masa kini.

Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) adalah penjenamaan semula Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang dilaksanakan sejak 10 tahun yang lalu.

Retreat EXCO 2018 pada 13 hingga 16 Ogos 2018 telah memutuskan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk membentangkan keberkesanan dan keperluan penjajaran program IPR dengan mengambil kira perkara seperti berikut :

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);

- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasaran yang tepat.

Berdasarkan Ucapan Belanjawan 2019 pada 23 November 2018 telah diumumkan bahawa agenda pelaksanaan program-program IPR akan diteruskan secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerksaan kepada penerima manfaat IPR di Selangor.

Selain itu, penjajaran IPR juga akan mengambil kira perkara seperti berikut:

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasaran yang tepat.

Merujuk kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 1/2019 melalui cabutan minit yang telah disahkan pada 26 Januari 2019 telah memutuskan bahawa keperluan mengenai penjajaran dan penyusunan semula IPR perlu dimuktamadkan segera mengikut cadangan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

Sehubungan itu, UPEN telah menganjurkan Persidangan Pengendali IPR pada 25 hingga 26 Februari 2019 bertempat di Hotel *Best Western, i-City* Shah Alam dengan menghimpunkan sebanyak 43 pengendali IPR Negeri Selangor bagi membincangkan cadangan penjajaran dasar dan program IPR sedia ada dan seterusnya memperkasakan pelaksanaan dasar Kerajaan Negeri Selangor.

Hasil daripada persidangan tersebut, 43 Program IPR telah dicadangkan untuk dijajarkan kepada 3 kategori utama iaitu seperti berikut:

- i) Diteruskan seperti ada (merangkumi 20 Program IPR);
- ii) Diteruskan Dengan Penjajaran iaitu secara:
 - a) Pindaan dari segi perubahan program, syarat kelayakan, mekanisme pelaksanaan, kuota penerima dan lain-lain pindaan (merangkumi 14 Program IPR); dan

- b) Kolaborasi dengan program IPR sedia ada (merangkumi 9 Program IPR)

(Rujuk lampiran I untuk butiran lanjut)

Walau bagaimanapun, kesemua cadangan penjajaran program IPR ini akan dibentangkan secara terperinci semasa Retreat Exco yang akan diadakan pada 31 Mac hingga 2 April 2019 bagi mendapatkan keputusan dasar pelaksanaan yang akan dimuktamadkan kelak oleh Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini semua Program IPR masih berjalan seperti biasa dan tidak akan dimansuhkan malah sebaliknya dijajarkan bagi meneruskan pemberian bantuan Kerajaan Negeri secara lebih holistik yang tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerksaan kepada penerima manfaat IPR Selangor.

Bagi pelaksanaan Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Selangor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan pihak ICU, JPM supaya Sistem eKasih digunakan sebagai satu sumber data asas dalam proses verifikasi penerima bantuan. Selain itu, UPEN juga sedang dalam peringkat perbincangan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk mengenal pasti kesesuaian penggunaan Data Bantuan Sara Hidup (BSH) dalam proses verifikasi penerima pada masa akan datang.

Pada masa kini, pihak Kerajaan Negeri sedang membangunkan Sistem *Smart* IPR yang dicadangkan sebagai *One Stop Center* untuk semua permohonan IPR melalui portal atau aplikasi *mobile* di mana maklumat permohonan untuk semua skim disimpan dalam satu data berpusat dan boleh diakses oleh semua pihak. Sistem *Smart* IPR ini masih dalam proses pembangunan oleh pihak Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan seterusnya akan siap digunakan secara berperingkat mulai Bulan Februari 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PENJUALAN ASET NEGERI

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan secara terperinci semua aset Kerajaan Negeri yang telah dijual?
- b) Apakah faktor penjualan tersebut?
- c) Nyatakan peratusan jumlah wang rizab negeri hasil dari penjualan tersebut?

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali:

Berdasarkan rekod, aset-aset yang telah dijual dalam tempoh tahun 2008 hingga 2018 adalah aset alih kategori kenderaan dan jentera yang telah mendapat had usia guna dan tidak lagi ekonomik untuk diselenggara. Nilai aset-aset adalah seperti di dalam **Jadual 1**

| Bil | Tahun | Nilai Perolehan (RM) | Nilai Jualan (RM) |
|------------|--------------|---------------------------------|------------------------------|
| 1. | 2008 | 2,026,390.22 | 164,105.60 |
| 2. | 2009 | 1,227,305.11 | 344,912.00 |
| 3. | 2010 | 6,030,479.30 | 887,298.00 |
| 4. | 2011 | 2,435,560.59 | 265,758.70 |
| 5. | 2012 | 3,857,348.04 | 722,921.00 |
| 6. | 2013 | 9,927,192.13 | 1,900,031.40 |
| 7. | 2014 | 4,540,276.13 | 578,808.00 |
| 8. | 2015 | 1,905,601.61 | 307,939.00 |

| | | | |
|---------------|------|----------------------|---------------------|
| 9. | 2016 | 453,631.52 | 54,450.00 |
| 10. | 2017 | 2,106,570.53 | 162,476.00 |
| 11. | 2018 | 1,362,450.60 | 159,400.00 |
| Jumlah | | 35,872,805.78 | 5,388,699.70 |

Jadual 1: Aset Kerajaan Negeri Yang Telah Dijual (2008 - 2018)

- (c) Kesemua wang hasil jualan aset tersebut adalah diperakaunkan sebagai hasil Negeri dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri (Rizab) Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : NAIKTARAF INFRASTRUKTUR JALAN

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaiktaraf persimpangan Perodua ke Sungai Choh (jalan kecil) dan juga kesesakan (waktu puncak dan cuti umum) berlaku persimpangan lampu isyarat di Batang Kali(projek jambatan baru dalam pembinaan) kepada cadangan dua lorong sangat diperlukan.

JAWAPAN:

- a) Persimpangan Perodua ke Sungai Choh merupakan laluan Persekutuan, FT3208. Permohonan menaiktaraf Jalan Sg. Choh ke Bukit Beruntung pernah diangkat bagi permohonan Rolling Pelan 3 (RP3), namun tidak diluluskan. Bagi isu kesesakan jalan yang berlaku di persimpangan lampu isyarat di Batang Kali, Mengganti Dan Melebarkan Jambatan Di Atas Sungai Batang Kali (FT001) yang dijangka siap pada 29 April 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN PENYELENGGARAAN PENCAHAYAAN JALAN
KAMPUNG 2019**

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan bagi penyelenggaraan pencahayaan jalan kampung untuk tahun 2019?

JAWAPAN:

- a) Di bawah Vot P01/02006 – Naiktaraf/ Baikpulih Jalan Luar Bandar, skop pemasangan lampu-lampu jalan kampung turut dimasukkan di dalam skop peruntukan ini melibatkan kawasan-kawasan yang dilaporkan banyak terlibat dengan kegiatan jenayah dan juga kemalangan. Peruntukan keseluruhan sebanyak RM3 juta telah disediakan di bawah Vot ini bagi tahun 2019. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri hanya memperuntukkan untuk pemasangan lampu jalan kampung sahaja dan tidak menampung bil utiliti bagi lampu jalan berkenaan. Selain daripada peruntukan Kerajaan Negeri, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) juga turut menyediakan peruntukan bagi Lampu Jalan Kampung yang boleh di pohon melalui Pejabat Daerah/Tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PEMBELAAN KAUM PEKERJA - &NBSP;INSTITUT PEMBEDAYAAN
PEKERJA**

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Institut tersebut dalam kontek Akta Pehubungan Perusahaan 1967 , Akta Kerja , Akta Kesatuan Sekerja , ILO Konvensyen 87 dan 98 ?

JAWAPAN:

- a) Institut Pemberdayaan Pekerja merupakan institut yang ditubuhkan bagi merangka polisi dan kebajikan bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pekerja, menangani isu-isu semasa melibatkan pekerja dalam mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Jawatankuasa induk institusi ini akan dianggotai oleh wakil dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Bagi merangka polisi yang berkaitan merujuk kepada akta – akta sedia ada, rangkaian kerjasama strategik bersama jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia seperti Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Malaysia, Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia, Jabatan Tenaga Manusia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA), Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan dan Pertubuhan Keselamatan Sosial perlu diadakan sesuai dengan penubuhan institusi ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : SMART SELANGOR PARKING APP

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status perundingan dengan Godell Sdn. Bhd. dengan MPSJ ke arah melaksanakan Smart Selangor Parking?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : GOLONGAN MISKIN TEGAR

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor kepada golongan miskin tegar dan miskin serta peluang yang mereka boleh perolehi untuk mengubah nasib mereka?

JAWAPAN:

- a) Usaha membasmi kemiskinan dalam kalangan rakyat sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan Negeri dengan membantu masyarakat meningkatkan tahap pendapatan dan keadaan sosio ekonomi supaya dapat keluar daripada kitaran kemiskinan. Bagi membolehkan Negeri Selangor mencapai matlamat kemiskinan sifar dalam semua dimensi terutamanya terhadap golongan miskin tegar dan miskin, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil pendekatan “peduli rakyat”. Kerajaan Negeri juga sentiasa menyediakan peluang saksama kepada golongan miskin untuk turut serta dalam pertumbuhan ekonomi akan menghasilkan komposisi ekonomi yang seimbang dalam pekerjaan dan pemilikan perniagaan/ perusahaan tanpa mengira kaum, gender dan latar belakang. Kerajaan Negeri Selangor peka kepada golongan miskin tegar dan miskin. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor tidak ketinggalan dalam menghulurkan bantuan kepada golongan ini. Seperti yang semua sedia maklum, di bawah Standco Kesihatan, bantuan Skim Peduli Sihat telah diperkenalkan khusus dalam membantu golongan miskin mendapatkan rawatan pemeriksaan di klinik-klinik swasta secara percuma. Di bawah Standco Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan iaitu pemberian mesin/ peralatan secara percuma khusus kepada golongan miskin berpendapatan seisi rumah RM3000 ke bawah yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan sebagai punca mata pencarian. Tidak ketinggalan juga program tajaan penuh kepada pelajar miskin melalui Program Tajaan Teknikal kepada INPENS International College yang dilaksanakan sejak 2008 hingga 2018. Begitu juga dengan Standco Permodenan Pertanian, yang menyediakan Bantuan Nelayan dan Akuakultur khusus buat golongan nelayan miskin di Negeri Selangor. Oleh yang demikian, program-program pembasmian kemiskinan ini adalah bersifat menyeluruh dan meliputi semua golongan miskin di Negeri Selangor serta tidak fokus kepada golongan miskin tegar sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PEMBANGUNAN TANAMAN KELAPA

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk menjadikan kawasan DUN Sungai Air Tawar sebagai hub tanaman kelapa memandangkan kawasan tersebut merupakan antara kawasan yang masih banyak mengeluarkan kelapa?

- b) Adakah bekalan benih kelapa matag mencukupi untuk rakyat mendapatkannya?

JAWAPAN:

- a) Daerah Sabak Bernam mempunyai lebih kurang 10,850 hektar tanaman kelapa yang merupakan daerah penyumbang terbesar pengeluaran kelapa di Selangor. DUN Sungai Panjang, Sabak dan Sungai Tawar sememangnya merupakan hub utama tanaman kelapa bagi Negeri Selangor.

- b) Buat masa ini pengeluaran benih matag hanya dibuat oleh Jabatan Pertanian Pagoh, Johor dan United Plantation, Teluk Intan. Jabatan Pertanian Putrajaya mengawal selia pengeluaran benih matag dan hanya boleh diedarkan bagi projek-projek petani yang dibuat oleh Jabatan Pertanian. Permintaan yang sangat menggalakkan menyebabkan kekurangan benih matag. Buat masa ini Jabatan Pertanian turut mengesyorkan benih kelapa yang mempunyai potensi hasil yang tinggi seperti Malayan Red Dwarf (MRD), Malayan Yellow Dwarf (MYD), tagnanan, tacunan dan pandan sebagai alternative kepada matag.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PEMILIKAN TANAH DI DAERAH HULU SELANGOR

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meletakkan fungsi penglibatan ADUN di dalam jawatankuasa tanah daerah supaya cadangan atau maklum balas yang di sampaikan dapat di ambil pandangan dalam setiap proses kelulusan tanah?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa Tanah Daerah sudah tidak lagi dilaksanakan dalam setiap proses kelulusan tanah. Semua permohonan pelupusan tanah secara pemberimilikan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara akan diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PROJEK PEMBINAAN JEJANTAS MOTOSIKAL LEBUHRAYA BARU
PANTAI**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana kemajuan projek pembinaan jejantas motosikal yang menyeberangi Lebuhraya Baru Pantai?
- b) Berapakah anggaran kos pembiayaan projek jejantas motosikal tersebut?
- c) Bilakah projek jejantas motosikal tersebut dijangka siap?

JAWAPAN:

- a) Kemajuan terkini bagi pembinaan mengikut skop asal kontrak adalah sebanyak 95% siap. Dimana kerja-kerja berbaki adalah penanaman rumput dan pembersihan tapak.

Walaupun bagaimanapun, jambatan motosikal masih tidak dapat dibuka untuk kegunaan awam kerana faktor keselamatan dimana terdapat pagar penghadang lama yang rosak dan berkarat boleh mendatangkan risiko bahaya kepada pengguna motosikal kelak. Majlis kini dalam rundingan bersama pihak Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) untuk menjalankan kerja tambahan bagi membaiki pagar penghadang lama jambatan yang berada dibawah penyelenggaraan pihak RAC.

- b) Jumlah kos pembinaan mengikut kontrak asal adalah sebanyak RM4,859,517.27.
- c) Mengikut tempoh masa lanjutan terkini, projek ini dijangka siap pada 16 Mac 2019. Walaupun bagaimanapun, pihak Majlis dalam proses pertimbangan lanjutan bagi kerja tambahan membaiki pagar penghadang jambatan lama yang berada dibawah penyelenggaraan pihak RAC.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PEBT)

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perlantikan pengerusi-pengerusi PeBT tahun 2019 agak lambat dan kurang efisien jika berbanding dengan sebelum ini. Saya memahami keadaan ini berlaku disebabkan sesi temu duga yang baru. Apakah usaha yang akan dibuat demi mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri menitikberatkan aspek pembangunan di kalangan belia sebagai pemaju pembangunan negara pada masa akan datang.

Sehubungan itu, bermula pada tahun 2009, Kerajaan Negeri telah melantik seramai 288 orang Penggerak Belia Tempatan (PeBT) yang terdiri daripada golongan belia sebagai agen penggerak belia Negeri Selangor. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1,396,800.00 setahun bagi peruntukan elaun dan sebanyak RM1,440,000.00 untuk peruntukan program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Berikutan itu, kemajuan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di Selangor menunjukkan peningkatan yang lebih positif dalam menyumbangkan idea-idea untuk menggerakkan generasi muda dan juga dengan penglibatan mereka dalam program-program pembangunan generasi muda. Pelaksanaan program-program tersebut telah dapat memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk mendekati masyarakat serta mendengar keluhan dan kehendak masyarakat sejajar dengan tugas dan tanggungjawab seorang pemimpin.

Untuk makluman, bagi tahun 2016 sehingga kini, PeBT dilantik di kalangan generasi muda yang berumur 30 tahun ke bawah yang amat sesuai dengan peredaran masa dan keperluan generasi muda pada masa kini.

Di samping itu, Kerajaan Negeri telah menambahbaik proses pemilihan dan pelantikan Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Negeri Selangor untuk penggal 2018/2020 dengan menambahbaik tatacara pencalonan PeBT. Tatacara pencalonan ini bermula dengan penerimaan cadangan calon oleh PBT daripada

Ahli Dewan Negeri dan PBT perlu membuat pelarasan pemilihan calon PeBT tersebut. Pencalonan ini hendaklah mengikut syarat-syarat pelantikan Pengerusi PeBT dan Ahli Jawatankuasa PeBT Peringkat Zon. Seterusnya, pihak PBT perlu membuat proses temu duga yang akan melibatkan Ahli Majlis, Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) dan Wakil Pejabat DUN yang mana korum temu duga mestilah sekurang-kurangnya 3 orang ahli. Kaedah temu duga ini digunakan untuk membuat pemilihan dan penilaian terhadap calon Pengerusi PeBT agar mereka yang dipilih adalah terdiri daripada bakal pemimpin yang berkredibiliti, berkarisma dan berkepimpinan. Justeru itu, segala dasar dan polisi Kerajaan Negeri akan dapat disampaikan ke peringkat akar umbi dan memastikan penerangan secara komprehensif dan menyeluruh dapat dilaksanakan.

Untuk makluman, melalui temuduga tersebut, seramai 217 orang Pengerusi PeBT bagi sesi 2019/2020 telah dilantik berkuatkuasa pada 1 Januari 2019. Berikutan, proses temu duga kedua akan dibuat bermula 18 Mac sehingga 30 Mac 2019 untuk mengisi kekosongan 67 orang pengerusi yang belum dilantik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN
(N02 SABAK)**

TAJUK : MASALAH SAMPAH

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Masalah sampah yang tidak berkesudahan. Adakah tindakan tegas akan dikenakan kepada pesalah yang membuang sampah di kawasan awam?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini punca kuasa PBT dalam menguruskan sampah adalah melalui Akta 171- Akta Kerajaan Tempatan di mana hukuman kepada pesalah yang membuang sampah di tempat awam boleh dikenakan denda sebanyak RM1,000.00 dan kenderaan bagi membuang sampah akan disita oleh PBT. Bagi kesalahan yang dilakukan oleh individu di kawasan awam atau komersil, PBT boleh mengenakan kompaun serta merta di lokasi kejadian dengan mengguna pakai Undang-Undang Kecil Pungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah-Sarap 2007. Contohnya, pihak MPK telah melaksanakan operasi ini di kawasan tumpuan orang awam iaitu di Pusat Bandar Klang dan kawasan taman awam seperti Komplek Sukan Pandamaran di mana pesalah akan dikenakan tindakan kompaun serta merta sebanyak RM10.00 bagi setiap kesalahan. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 2,043 kompaun dikenakan serta merta kepada individu yang didapati bersalah.